

Remaja beriman, berilmu mampu perkukuh tamadun

Remaja adalah aset negara paling istimewa, berharga dan bernilai, malah tulang belakang negara dan penyambung generasi akan datang. Mereka juga bakal pemimpin agama, masyarakat dan negara. Bagaimanapun, kebelakangan ini kita sering mendengar masalah ditimbulkan remaja sehingga kita berfikir adakah mereka layak memimpin negara yang secara tidak langsung mencerminkan wajah bangsa kita.

Jika rosak remaja, rosaklah sebuah negara sebagaimana di perkatakan penyair Arab, Shauqey Bek: "Keunggulan bangsa kerana akhlaknya, runtuh akhlak, runtuhlah mereka." Statistik tahun 2013 menunjukkan 7,816 kes

jenayah juvana dilaporkan dan 1,632 daripadanya membabitkan pelajar.

Remaja dapat didefinisikan kumpulan anak muda berumur antara 13 hingga 25 tahun. Remaja berasal daripada perkataan Latin bermakna menuju ke arah kematangan. Kamus Dewan menakrifkan remaja sebagai peringkat umur mulai dewasa, sudah akil baligh dan sudah cukup umur untuk kahwin.

Tonggak harapan negara

Remaja memainkan peranan penting dalam menentukan maju atau mundurnya sebuah tamadun, malah, menjadi tonggak harapan negara. Adalah penting remaja diberi didikan dan

pengetahuan yang jelas supaya kudrat penuh bertenaga itu tidak disalah guna.

Lihat rusuhan di Mesir. Rasa tidak puas hati dalam kalangan rakyat Mesir termasuk golongan remaja yang merusuh menyebabkan sistem pentadbiran, komunikasi serta pengangkutan menjadi lumpuh dalam sekelip mata.

Biasanya remaja suka berdikari mempunyai personaliti menarik dan terdapat banyak sifat positif. Remaja sebegini dapat membantu menambah daya intelektual yang disemai dalam diri mereka. Maka diharapkan agar mereka dapat mengukuhkan pembangunan tamadun negara sekali gus memberi manfaat kepada umat Islam.

Zaman remaja sering disalah anggap sebagai zaman mencuba sesuatu yang baru sedangkan hakikatnya ia adalah zaman keemasan kerana ruang dan peluang yang ada jika digunakan untuk

tujuan kebaikan, menghasilkan kebaikan.

Begitu juga sebaliknya, jika nafsu dan cita rasa orang muda tidak dipelihara atau dipandu dengan landasan iman yang sebenarnya, sudah tentu hasilnya tiada. Tepuk dada tanya iman. Iman akan menjadi benteng daripada melakukan sesuatu yang merosakkan atau mungkin menyebabkan seseorang itu terjerumus ke lembah kehinaan dan kehancuran.

Bina, pupuk generasi muda

Sehubungan itu, usaha perlu dipertingkatkan bagi membina, memupuk generasi yang hendak dilahirkan mampu membuktikan keupayaan menggalas hasrat dan harapan yang digarap kerajaan.

Perancangan masa depan harus dimulai dengan menetapkan matlamat, mempersiapkan diri dengan pelbagai ilmu dan kemahiran, mendedahkan diri dengan dunia luar agar tidak te-

raba-teraba mengharungi cabaran seterusnya mencapai kejayaan.

Konsep dalam merancang masa depan perlu disusun dengan langkah untuk berjaya iaitu yang pertama, mengetahui konsep tasawur Al-Falah iaitu konsep kejayaan di samping mengenali konsep kegagalan seperti yang digariskan Allah.

Langkah kedua ialah mengikuti landasan yang betul dengan berpandukan arah jalan hendak dituju dengan memberi fokus sewajarnya. Harapan melihat generasi muda sebagai sandaran terbesar bagi membela agama, memartabatkan nasib bangsa dan mendaulatkan negara tercinta perlu kepada komitmen dan kerjasama daripada semua pihak.

Dr Nurkhamimi Zainuddin,
Fakulti Pengajian Bahasa Utama,
Universiti Sains Islam Malaysia